KENYATAAN MEDIA

MMM Gesa Ketelusan dan Layanan Adil Terhadap Kakitangan Media Mulia

Majlis Media Malaysia (MMM) melahirkan kebimbangan terhadap ketidaktentuan yang dihadapi oleh kakitangan Media Mulia Sdn Bhd susulan pengumuman syarikat itu mengenai pelaksanaan penstrukturan semula yang melibatkan *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!*.

MMM menyedari bahawa organisasi media berdepan cabaran kewangan dan operasi yang besar, serta memahami bahawa langkah penstrukturan semula mungkin diperlukan bagi memastikan kelangsungan operasi mereka dalam jangka panjang.

Walaupun belum ada sebarang pengumuman rasmi mengenai pemberhentian pekerja, MMM memandang serius kebimbangan yang dibangkitkan oleh kakitangan, termasuk mereka yang telah menghubungi Majlis secara langsung bagi menyuarakan kegusaran mengenai jaminan pekerjaan dan masa depan mata pencarian mereka.

Kebimbangan ini tidak boleh dipandang ringan. Kakitangan berhak mendapat penjelasan yang jelas mengenai proses penstrukturan semula, kriteria yang digunakan dalam membuat keputusan berkaitan pekerjaan mereka serta kemungkinan kesannya terhadap masa depan mereka.

MMM mengalu-alukan komitmen Media Mulia untuk menangani kebimbangan kakitangannya dan menggesa pihak pengurusan agar menterjemahkan komitmen tersebut melalui komunikasi terbuka dengan kakitangan yang terlibat, memberikan penjelasan yang jelas dan telus serta memastikan hak dan kebajikan mereka terus dilindungi sepanjang proses berkenaan.

Majlis turut mengalu-alukan kesediaan Menteri Komunikasi, Datuk Seri Fahmi Fadzil, untuk mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan bagi meneliti situasi ini serta mencari jalan untuk menangani kebimbangan berhubung jaminan pekerjaan.

Kelangsungan industri media tidak boleh dipisahkan daripada kebajikan pengamal media. Walaupun syarikat perlu mempunyai ruang untuk membuat keputusan sukar demi memastikan kelangsungan perniagaan, keputusan sedemikian mestilah disertai dengan ketelusan, keadilan dan rundingan bermakna bersama kakitangan yang terjejas.

MMM kekal bersedia untuk memudah cara perbincangan yang membina antara pihak-pihak berkaitan bagi mencapai penyelesaian yang adil dan mampan.

Majlis Media Malaysia (MMM)